

Menjalin ukhwah sejagat



Antara program yang dijayakan oleh pelajar USIM.

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

► Sydney

Penjelajahan selama tujuh hari di Australia, baru-baru ini, menyuntik dimensi pandangan baharu kepada sekumpulan 15 pelajar tahun tiga program Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa (Dengan Kepujian) dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Mereka yang menyertai Kembara Insaniah Generasi Muda ke negara kanggaru itu di bawah program Global Islamic Students Outreach (GISO) USIM, berpeluang mengunjungi dan menjalankan pelbagai aktiviti di beberapa tempat menarik.

Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang yang mengetuai kembara berkenaan, Dr Mohd Hazmi Mohd Rusli, berkata program itu membuka mata dan minda peserta kerana mendedahkan kerencaman adat serta budaya di luar negara.

"Program pengantarabangsaan ini juga mewujudkan semangat kerjasama tinggi dalam kalangan peser-

ta, di samping memberi banyak pengalaman baharu kepada mereka," katanya.

Ziarah santun

Sementara itu Pengarah kembara berkenaan, Faiq Faidhi Shukahar, berkata antara aktiviti dijalankan ialah Ziarah Santun ke University of New South Wales (UNSW), The University of Sydney serta University of Wollongong, selain Program Tautan Kasih di Masjid Al-Iman dan Masjid Omar.

Beliau berkata, ia selaras misi program GISO USIM supaya pelajar menjalinkan ukhwah dengan manusia sejagat tidak mengira tempat.

"Ketika mengunjungi University of Wollongong, diadakan forum bertajuk 'Cabaran Pelajar Muslim di Luar Negara' bersama-sama penuntut Islam di universiti berkenaan bertempat di Masjid Omar.

"Selain itu, turut diadakan Program Lensa Muslim di beberapa restoran yang menyajikan makanan halal untuk melihat sejauh mana sensitiviti masyarakat di sini terhadap keperluan makanan halal oleh komuniti minoriti Muslim di Australia," katanya.

Faiq Faidhi berkata, peserta juga tidak ketinggalan

menyebarkan seruan Islam untuk keamanan sejagat menerusi inisiatif 'Street Dakwah'.

Tadabbur alam

"Menariknya ketika menjalani aktiviti di Hyde Park, kami mendapat perhatian rancangan realiti televisyen di Australia, iaitu 'The Beauty and The Geek'.

"Kami juga mengadakan aktiviti tadabbur alam di Kiama Blow Hole dan Symbio Wildlife Park bagi melahirkan rasa kehambaan terhadap Pencipta alam semesta.

"Selain itu, peserta menjayakan program aktiviti bercerita bersama-sama kanak-kanak Muslim di sekitar Masjid Omar. Kami juga tidak lupa menyumbangkan 20 naskhah al-Quran, 100 buku agama dan 400 risalah dakwah dalam pelbagai versi kepada Masjid Omar serta Masjid Omar," katanya.

Beliau berkata, segala aktiviti dirancang sepanjang program kembara itu mendapat kerjasama pelajar Malaysia di University of Wollongong (MAS UOW).



Kemesraan silaturahmi di negara kanggaru.



Pelajar USIM menjalinkan ukhwah di Australia.



Antara landskap indah Australia yang dirakamkan peserta.